

Aktiviti riadah bersama RPS paintball

Paintball merupakan satu acara kemuncak PPK Bioproses di dalam aktiviti RPS yang julung-julung kali diadakan. Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani (KKG) dikejutkan dengan kewujudan sebuah war field di padang serbaguna kolej kediaman. Acara yang ini merupakan satu idea yang diilhamkan oleh Dekan PPK Bioproses kerana beliau sedar kepentingan setiap pelajar melibatkan diri dengan aktiviti sukan selain bergelumang dengan pelajaran. Aktiviti ini juga bertujuan untuk merapatkan silaturahim antara semua pelajar tahun satu, dua dan tiga, khususnya bagi pelajar tahun satu yang baru menyertai PPK Bioproses. Paintball PPK Bioproses telah diadakan pada 20 Julai 2008 dan bermula seawal jam 9 pagi dengan acara senaman regangan dan poco-poco. Selepas itu semua pelajar yang berjumlah 152 orang dibahagikan kepada empat orang setiap kumpulan sebelum perlawanan dimulakan. Setiap pasukan diberi masa 5 minit untuk bertempur dengan pasukan lawan yang telah disusun atur oleh Exco Sukan PPK. Kebanyakan pelajar baru pertama kali diberi peluang untuk bermain Paintball dan ini tambah memeriahkan aktiviti yang berlangsung sejak pagi Sabtu. Kemuncak acara ialah perlawanan kejutan di mana, marshall yang menjadi pengadil dan pemerhati pada awal permainan mencabar para pelajar untuk menentang mereka. Walaupun kalah, semangat juang para pelajar yang menjadi pemain PPK secara sukarela harus dipuji kerana mereka menunjukkan permainan yang tersusun dan menarik. Acara Paintball ini telah dicadangkan menjadi acara tahunan PPK Bioproses di tahun akan datang.

